



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PEMAKLUMAN BERKENAAN DOKUMEN PALSU
MENGUNAKAN NAMA DAN IDENTITI MAHKAMAH**

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) merujuk kepada dokumen yang tular di media sosial bertajuk Perintah Penangkapan Dan Perintah Pembekuan Aset-Aset bertarikh 8 Mac 2022. Pejabat ini ingin memaklumkan bahawa dokumen ini adalah merupakan dokumen palsu dan ia adalah satu bentuk penipuan (*scam*) yang menggunakan nama dan identiti Mahkamah.

Sehubungan itu, orang awam dinasihatkan untuk berhati-hati agar tidak menjadi mangsa penipuan. Sila buat laporan kepada pihak berkuasa jika terdapat pihak yang menyamar menggunakan identiti Mahkamah.

Sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh menghubungi nombor telefon dan e-mel berikut:

No. telefon : 03-8880 3500

E-mel : komunikasikorporat@kehakiman.gov.my

atau melayari info *SCAM ALERT* di Portal Rasmi PKPMP di pautan <https://www.kehakiman.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya**

Tarikh: 14 Mac 2022